



**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"**

Surat Kami: PPAS. KPT. 100 – 2 JILID VIII ( )  
Tarikh : 26 Jamadil Akhir 1439H  
14 Mac 2018

**SENARAI EDARAN ADALAH SEPerti DILAMPIRAN**

YB Dato' / YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

**MEMOHON KERJASAMA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK MENGHEBAHKAN DAN MEMPROMOSIKAN PROGRAM PESTA BUKU SELANGOR 2018.**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' / YAD Dato' / YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan, pihak Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi telah melantik Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sebagai urusetia bagi menganjurkan satu program iaitu :

<b>Nama Program</b>	<b>: Pesta Buku Selangor (PBS 2018)</b>
<b>Tarikh</b>	<b>: 29 Mac- 8 April 2018</b>
<b>Lokasi</b>	<b>: Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC Convention Centre)</b>
<b>Masa</b>	<b>: 10:00 Pagi- 9:00 Malam (Isnin – Khamis)</b> <b>10.00 Pagi – 11.00 Malam (Jumaat, Sabtu &amp; Ahad)</b>

3. Seperti pihak Y.Bhg. Dato' sedia maklum, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor adalah sebuah agensi pendidikan yang tidak berunsurkan keuntungan. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan rendah diri ingin memohon kerjasama untuk menghebahkan dan mempromosikan Program Pesta Buku Selangor 2018 kepada semua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor seterusnya menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan penduduk Selangor.

4. Bersama ini dilampirkan salinan bahan promosi program berkenaan untuk rujukan pihak YB Dato' / YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan. Sebarang maklumat lanjut, pihak YB Dato' / YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai kami di talian En. Fadli (012 – 2251303), En. Zainuddin (019 – 3339909).

5. Perhatian dan sokongan dari YB Dato' / YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan, dalam membantu menjayakan program ini adalah amat dihargai dan untuk itu didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang menjalankan tugas,

**(HAJAH MASTURA HAJJ MUHAMAD., S.I.S.)**

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

*Prof. Faisal  
-mesrullah dlu.  
Student portal.*

*Amidi 20/3/18.*  
**AMIDI BIN ABDUL MANAN**  
DEKAN  
PERBADANAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (PEP)  
UNIVERSITI SELANGOR



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR D/A Perpustakaan Raja Tun Uda**

Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

03-5519 7667 / 5519 7679 / 5519 7682 / 5519 7685 / 5519 7691

03-5510 4264 info@ppas.gov.my www.ppas.gov.my